

RUMUSAN

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN JANUARI 2017 INSTITUT KANSER NEGARA (IKN)

Majlis Amanat Tahun Baharu Peringkat IKN yang diadakan bersekali dengan Majlis Perhimpunan Bulanan bagi bulan Januari 2017 telah berlangsung dengan jayanya pada 18 Januari 2017 bertempat di Auditorium IKN yang telah dihadiri oleh 303 orang staf. Di dalam majlis tersebut, Pengarah IKN telah menyampaikan beberapa amanat penting dan turut membentangkan beberapa perkara untuk makluman warga kerja IKN.

Berikut merupakan amanat YB Menteri Kesihatan yang telah ditekankan oleh Pengarah:

- Peningkatkan yang lebih memberangsangkan lagi di dalam usaha murni untuk merealisasikan visi Kesihatan Malaysia iaitu “Negara menggembeng tenaga ke arah kesihatan yang lebih baik”.
- Menjadikan tahun 2017 sebagai tahun penyampaian, iaitu dalam erti kata lain sebagai penjawat awam perlu *deliver* demi kesejahteraan rakyat.
- Meningkatkan komitmen dalam menjalankan tugas dan juga memperbaharui azam untuk memberikan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti tinggi, iaitu perkhidmatan yang selamat, berkesan, berpaksikan pelanggan, saksama, efisien dan menepati waktu atau “timely”.
- Perkhidmatan yang diberikan mestilah mempunyai ciri-ciri keprihatinan dan penyayang atau “caring”, sesuai dengan moto “Kami Sedia Membantu” dan “To Cure Sometimes, To Relieve Often, To Comfort Always” dengan menganggap pesakit serta keluarga mereka seperti keluarga sendiri.
- Menyeru agar semua warga kerja IKN untuk sentiasa berhemah dalam perbelanjaan dengan menggunakan pendekatan yang kreatif dan inovatif untuk lebih efisien serta mengelakkan pembaziran.
- Berharap agar mutu perkhidmatan yang disediakan KKM kepada rakyat sentiasa diutamakan dan produktiviti KKM dapat dipertingkatkan supaya *sustainable* dari segi kewangan.
- Berharap agar semua warga kerja IKN mengambil langkah-langkah yang telah digariskan serta berganding bahu bagi menjayakan Pelan Strategik dan Pelan Tindakan KKM (2016-2020).

Di antara perkara yang dibentangkan ialah:

1) Statistik keseluruhan pesakit sepanjang tahun 2016

	2016												KESELURUHAN 2016
	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	
KEDATANGAN BARU	370	350	540	402	503	491	376	578	249	500	484	401	5244
KEDATANGAN ULANGAN	1664	1566	1913	1842	1989	1984	1841	2311	2256	2206	2491	2305	24368
KEDATANGAN PESAKIT	144	133	150	134	139	175	174	167	176	233	202	209	2036
KEDATANGAN PESAKIT	108	103	141	124	121	119	105	166	135	98	81	107	1408
KEDATANGAN PESAKIT	602	552	689	618	640	609	465	715	672	702	831	721	7816
KEMASUKAN	535	571	575	539	574	580	584	776	699	789	788	771	7781
DISCAJ	541	530	589	576	524	577	607	749	706	757	798	831	7785
KEMATIAN	29	30	38	28	34	38	31	33	37	36	46	47	427
BOR (%)	43.31	44.35	46.42	42.24	45.86	45.94	42.06	53.53	51.83	57.47	55.97	50.63	48.45
ALOS	5.61	5.48	5.52	4.97	6.16	5.40	4.86	5.01	4.98	5.32	4.76	4.27	5.13


2) Statistik Pesakit Dalam sepanjang Tahun 2014 hingga Tahun 2015

PERKARA	TAHUN		
	2014	2015	2016
JUMLAH KEMASUKAN PESAKIT	2,929	5,416	7,781
JUMLAH PESAKIT DISCAJ	2,848	5,416	7,785
JUMLAH KEMATIAN	164	285	427
KADAR PENGGUNAAN KATIL (%)	25.98	38.35	48.45

3) Jumlah Pesakit Luar sepanjang tahun 2016

KLINIK	TAHUN							
	2013		2014		2015		2016	
	BARU	ULANGAN	BARU	ULANGAN	BARU	ULANGAN	BARU	ULANGAN
RADIOTERAPI ONKOLOGI	83	301	1731	5238	1855	11456	2563	15358
PERUBATAN NUKLEAR	84	16	840	794	1242	1584	1669	2065
TRADISIONAL & KOMPLEMENTARI	7	14	210	1468	320	3462	315	4520
MULTIDISPLIN	0	0	248	263	658	1073	918	2426
KECEMASAN	3	0	704	0	1373	0	2036	0

4) Jumlah pelawat luar yang dikendalikan oleh Bahagian Perhubungan Awam IKN, sepanjang tahun 2016 iaitu seramai 915 orang daripada 57 siri lawatan



Di akhir ucapan, Pengarah turut memaklumkan bahawa IKN akan memberi lebih tumpuan kepada *MSQH Hospital Accreditation*, Sambutan Hari Kualiti & Inovasi dan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) serta berharap agar perkara tersebut dapat dicapai pada tahun 2017 ini.

Disediakan oleh:

Bahagian Perhubungan Awam
 Institut Kanser Negara
 Januari 2017